



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
23 Disember 2020**

### **ASNB ISYTIHAR RM36.6 JUTA JUMLAH PENGAGIHAN PENDAPATAN BAGI AMANAH SAHAM NASIONAL**

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga berubah pertamanya, Amanah Saham Nasional (ASN) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK2020).
- ASNB mengisyiharkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM36.6 juta, iaitu pulangan sebanyak 2.02 sen seunit. Pengagihan pendapatan ini memberikan hasil dividen 3.18% berdasarkan jangkaan Nilai Aset Bersih dana pada 31 Disember 2020. Pembayaran ini akan memberi manfaat kepada 1.21 juta pemegang unit dengan jumlah pelaburan melebihi 1.8 bilion unit.
- Urus niaga di semua cawangan dan ejen ASNB seluruh negara telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 22 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021 untuk memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui [www.myasn.com.my](http://www.myasn.com.my) atau aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 4 Januari 2021.

**Kuala Lumpur, 23 Disember 2020:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan dana harga berubah pertamanya, Amanah Saham Nasional (ASN) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK2020).

ASNB mengisyiharkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM36.6 juta, iaitu pulangan sebanyak 2.02 sen seunit untuk ASN bagi TK2020. Pengagihan pendapatan ini memberikan hasil dividen 3.18% berdasarkan jangkaan Nilai Aset Bersih (NAB) dana pada 31 Disember 2020.

Pembayaran ini akan memberi manfaat kepada 1.21 juta pemegang unit dengan jumlah pelaburan melebihi 1.8 bilion unit. Setakat 30 November 2020, ASN

mencatatkan pendapatan bersih sebanyak RM44.3 juta untuk 11 bulan pertama tahun kewangannya.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN adalah berdasarkan unit yang dipegang setakat 31 Disember 2020. Pengagihan yang diisyiharkan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan dan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2021, berdasarkan NAB seunit pada 31 Disember 2020.

Urus niaga di semua cawangan dan ejen ASNB seluruh negara telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 22 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021 untuk memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal [www.myasn.com.my](http://www.myasn.com.my) atau aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 4 Januari 2021.

- *Tamat* -

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat prngurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 billion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 dana unit amanah dengan lebih daripada 260 billion unit dalam edaran (UIC) dan 14.5 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Amanah Saham Nasional (ASN)**

Amanah Saham Nasional (ASN) merupakan unit amanah pertama dan produk harga berubah pertama yang dilancarkan oleh ASNB pada 20 April 1981. Objektif pelaburannya adalah untuk menghasilkan tahap pengagihan pendapatan dan peningkatan modal yang wajar kepada pemegang unit melalui portfolio pelaburan yang pelbagai.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**